



KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN MALAYSIA
(National Union Of The Teaching Profession Malaysia)

Tel : 03-6251 0621 / 6251 0623

Faks : 03-6251 1060 / 6258 2946 / 6257 2414 (direct SUA)

E-mel : mail@nutp.org / nutphq@gmail.com

Laman Web : <http://www.nutp.org>

Presiden

Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak

Setiausaha Agung

Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK

KENYATAAN AKHBAR

**Kepada : Ketua Pengarang
Semua Akhbar dan Media Tempatan**

**Daripada : Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK
Setiausaha Agung
NUTP**

Telefon Bimbit : 0126358065

GURU DILARANG BAWA TELEFON BIMBIT KE DALAM KELAS : NUTP MAHU PENJELASAN LANJUT KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pihak NUTP ingin merujuk kepada kenyataan oleh YB Datuk P. Kamalanathan, Timbalan Menteri Pendidikan berkaitan larangan kepada guru-guru untuk membawa telefon ke bilik darjah. Menurut kenyataan tersebut juga, ini merupakan prosedur yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Profesion pendidikan kini ke arah Pendidikan Abad Ke-21, yang mana kebanyakan alat bantu mengajar di pasaran menjurus ke arah kegunaan telefon bimbit. Jika dilihat pada satu keadaan juga di mana pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sendiri mengagihkan telefon Bimbit YES kepada semua guru di Negara ini yang bertujuan mempertingkatkan kaedah pengajaran guru serta pembelajaran murid.

.../2



KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN MALAYSIA
(National Union Of The Teaching Profession Malaysia)

Tel : 03-6251 0621 / 6251 0623
Faks : 03-6251 1060 / 6258 2946 / 6257 2414 (direct SUA)
E-mel : mail@nutp.org / nutphq@gmail.com
Laman Web : <http://www.nutp.org>

Presiden
Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak

Setiausaha Agung
Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK

-2-

NUTP juga dimaklumkan bahawa sebanyak 10,000 buah sekolah rendah dan menengah di seluruh Negara akan dilengkapi dengan akses internet berkelajuan 4G dan platform pembelajaran maya yang menyediakan akses kepada penyelesaian pembelajaran bersepadu. Semua guru dapat berkongsi bahan pembelajaran dan pengajaran berkualiti sekali gus boleh digunakan di mana sahaja untuk capaian peningkatan murid.

Oleh itu, NUTP ingin memohon penjelasan berkaitan dengan kenyataan Timbalan Menteri Pendidikan di atas kenyataan beliau. Di samping itu juga, bagaimana dengan pengagihan telefon bimbit YES tersebut? Adakah perlu dihentikan juga?

(HARRY TAN HUAT HOCK, PJK)
SETIAUSAHA AGUNG
NUTP

7 Februari 2018